



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KAUNTER AGENSI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menyambut baik pengumuman Ketua Setiausaha Negara, YBhg Tan Sri Mohd Zuki Ali pada 29 Jun 2021 berhubung pembukaan dan pengoperasian semula perkhidmatan kaunter kerajaan ketika tempoh Fasa Pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN). Sebagaimana yang dinyatakan, keputusan ini dibuat setelah meneliti keperluan pembukaan perkhidmatan kaunter kerajaan yang mendesak berdasarkan maklum balas awam.

Dimaklumkan bahawa agensi-agensi di bawah MOT akan membuka perkhidmatan kaunter mulai 1 Julai 2021 bersandarkan kepada ketetapan berikut:

1. Urusan yang dibenarkan adalah semua urus niaga yang tidak dapat dilaksanakan secara dalam talian;
2. Kapasiti petugas kaunter tidak melebihi 50%;
3. Semua urusan adalah secara temu janji berjadual dan walk-in tidak dibenarkan;

### JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)

1. JPJ akan membuka semua perkhidmatan kaunter untuk transaksi berkaitan kenderaan komersial dan persendirian mulai 1 Julai KECUALI mana-mana perkhidmatan yang boleh dilakukan secara dalam talian menerusi portal awam mySIKAP atau rakan strategik JPJ yang menawarkan perkhidmatan jabatan.
2. Semua urusan di seluruh negara (Semenanjung, Sabah, Sarawak & WP Labuan) ini adalah secara temu janji berjadual dan walk-in tidak dibenarkan. Manakala Kiosk pula akan beroperasi seperti biasa.
3. Terdapat 38 transaksi dalam talian melalui portal awam mySIKAP. Namun, 11 transaksi berikut memerlukan kaedah pendaftaran melalui pengesahan biometrik (sekali daftar) bagi meneruskan transaksi melalui portal awam mySIKAP:





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

- 3.1 Salinan LKM.
  - 3.2 Permohonan Pertukaran Hak Milik (Pemilik Baharu).
  - 3.3 Permohonan Pertukaran Hak Milik (Pemilik Berdaftar).
  - 3.4 Cabutan Pek Maklumat Kenderaan.
  - 3.5 Pertanyaan Maklumat Pemilik Kenderaan (VOC).
  - 3.6 Pertanyaan Maklumat Kenderaan Vehicle Information Pack (VIP).
  - 3.7 Tempah Nombor Pendaftaran.
  - 3.8 Maklumat Pemilik.
  - 3.9 Permohonan mengecop semula nombor casis.
  - 3.10 Permohonan mengecop semula nombor enjin.
  - 3.11 Perubahan Maklumat Alamat/ Nombor Telefon/ e-mel.
4. Orang ramai digalakkan merujuk Facebook rasmi JPJ @jabatanpengangkutanjalanmalaysia untuk mendapatkan senarai Cawangan JPJ berdekatan bagi membuat temu janji.

#### **AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)**

1. Semua permohonan boleh dibuat melalui temu janji ini kecuali urusan Kad Pemandu.
2. Para pengusaha dan syarikat boleh membuat temu janji melalui portal APAD iaitu <https://www.apad.gov.my/temujanji/index.html>. Portal temu janji APAD boleh diakses bermula jam 4.00 petang, 30 Jun 2021.
3. Bagi permohonan Lesen Perubahan Sementara (LPS) permohonan hendaklah dibuat secara terus melalui emel [lps@apad.gov.my](mailto:lps@apad.gov.my)
4. Dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN), para pengusaha dan syarikat tidak terikat dengan keperluan untuk mengemukakan permohonan memperbaharui lesen dalam tempoh 90 hari sebelum tamat tempoh lesen.
5. Bagi proses serahan keputusan, temu janji hendaklah dibuat melalui emel berikut:
  - [keputusan.tengah@apad.gov.my](mailto:keputusan.tengah@apad.gov.my)
  - [keputusan.utara@apad.gov.my](mailto:keputusan.utara@apad.gov.my)
  - [keputusan.selatan@apad.gov.my](mailto:keputusan.selatan@apad.gov.my)
  - [keputusan.timur@apad.gov.my](mailto:keputusan.timur@apad.gov.my)





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Orang ramai digalakkan merujuk laman Facebook APAD , @APADchannel untuk maklumat lanjut.

### **JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)**

Transaksi berikut boleh dilakukan di kaunter mulai 1 Julai melalui temu janji sahaja :

1. Semakan dokumen-dokumen pelaut.
2. Semakan sijil-sijil kapal.
3. Urusan pertukaran anak kapal.
4. Urusan pembelian buku latihan pelaut.
5. Urusan pengambilan dokumen-dokumen pelaut.
6. Urusan pengambilan sijil/permit kapal.
7. Urusan pembayaran yang tidak dapat dilaksanakan secara dalam talian.

Keterangan lanjut untuk membuat temu janji :

Hotline : 03 3346 7777/7620

Emel : [khidmatpelanggan@marine.gov.my](mailto:khidmatpelanggan@marine.gov.my)

Facebook: @JabatanLautMalaysia

### **LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH**

Transaksi berikut boleh dilakukan di kaunter mulai 1 Julai melalui temu janji sahaja :

1. Urusan permohonan baharu /tambahan Lesen kenderaan komersial.
2. Urusan permohonan Ubah Syarat Surat Tawaran Kelulusan (STK).
3. Memperbaharui Lesen kenderaan komersial.
4. Urusan permohonan Ubah Syarat Lesen kenderaan komersial.
5. Cetakan Lesen bagi kenderaan komersial.
6. Pengistiharan serah balik Lesen kenderaan komersial.
7. Permohonan dan pengambilan Kad Pemandu.

Keterangan lanjut untuk membuat temu janji :

Hotline : 088 238244 / 245

Emel : [aduan@lpkpsabah.gov.my](mailto:aduan@lpkpsabah.gov.my)

Facebook: @lpkpsbh





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

Transaksi berikut boleh dilakukan di kaunter mulai 1 Julai melalui temu janji sahaja :

1. Urusan permohonan baharu /tambahan Lesen kenderaan komersial.
2. Urusan permohonan Ubah Syarat Surat Tawaran Kelulusan (STK).
3. Memperbaharui Lesen kenderaan komersial.
4. Urusan permohonan Ubah Syarat Lesen kenderaan komersial.
5. Cetakan Lesen bagi kenderaan komersial.
6. Pengistiharan serah balik Lesen kenderaan komersial.

Keterangan lanjut untuk membuat temu janji :

Hotline: 082 412073 / 413303

Emel : [temujanji@lpkpsarawak.gov.my](mailto:temujanji@lpkpsarawak.gov.my)

Facebook: @lpkpsarawak

## PUSPAKOM

1. Bagi melengkapkan pembukaan semula perkhidmatan kaunter untuk perkara di atas, PUSPAKOM dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan kapasiti 50% kakitangan bertugas.
2. Semua perkhidmatan hanya dibenarkan melalui temu janji (walk-in tidak dibenarkan).

Dapatkan tarikh temu janji secara dalam talian: [www.mypuspakom.com.my](http://www.mypuspakom.com.my)

Talian Khidmat Pelanggan: 03 5101 7000

E-mel: [customerservice@puspakom.com.my](mailto:customerservice@puspakom.com.my)

Facebook: @puspakomvehicleinspection





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## PEMATUHAN SOP PENCEGAHAN COVID-19

MOT sekali lagi menasihati semua pihak supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan termasuk memakai pelitup separuh muka, menggunakan cecair pembasmi kuman, mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter selagi boleh dan mengimbas kod QR MySejahtera.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**30 JUN 2021**

**-TAMAT-**

---

### Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

### Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Hotline 1-800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

